

09/04/1999

Kerajaan diminta terus guna ISA

reports on "Dewan Rakyat" by Zulkofli Jamaludin; Ebi Azly Abdullah
KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan diminta terus menggunakan peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menghalang sebarang usaha menggugat kestabilan negara yang akan membawa kepada perpecahan kaum.

Sambil menyifatkan tiada kompromi dalam usaha menjaga keselamatan, Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sepitang) berkata tindakan tegas perlu untuk mencari punca fitnah, surat layang dan tulisan berniat jahat di Internet.

"Kerajaan juga perlu bertindak tegas terhadap sebarang perhimpunan tanpa permit dan mengambil tindakan terhadap pihak yang menganjurkan perhimpunan itu.

"Tindakan tegas juga perlu diambil terhadap penceramah yang secara terbuka menghasut dan memfitnah pemimpin dan memburukkan negara," katanya ketika membentangkan usul menjunjung kasih ucapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar ketika merasmikan mesyuarat Penggal Kelima Parlimen Kesembilan.

Seri Paduka dalam ucapannya Isnin lalu berkata, kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat pengiktirafan dunia sebagai sebuah negara yang dihormati dengan masyarakat berbilang kaum hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Bagaimanapun, Dr Yusof berkata ada sebilangan kecil rakyat yang tidak menghargai erti keamanan itu dan ingin melihat keadaan negara berada dalam huru-hara.

"Sepatutnya kita banyak belajar dan insaf dari peristiwa 13 Mei 1969. Perselisihan antara kaum atau menindas kaum minoriti tidak menguntungkan sesiapa.

"Penghapusan kaum seperti yang dilakukan oleh puak Serb terhadap masyarakat Albania di Kosovo akan cuma berakhir dengan tragedi," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat dan pihak yang cuba menimbulkan kekacauan serta menabur fitnah supaya mengambil iktibar daripada peristiwa berkenaan.

Menurutnya, peristiwa itu tidak mustahil boleh berlaku jika rakyat membiarkan golongan tidak bertanggungjawab terus menghasut dan membuat gerakan seperti yang berlaku pada Disember lalu.

Dalam ucapan setebal 39 muka surat itu, beliau turut meminta pasukan keselamatan meningkatkan pengawasan di sepanjang kawasan sempadan bagi mengelak rakyat negara jiran yang terbabit dalam pergaduhan menyerang sempadan.

"Untuk jangka panjang, penempatan baru pasukan keselamatan diperlukan sepanjang sempadan terutama di kawasan Persaingan, Tenom, Long Pasia, Sipitang di Sabah dan persempadanan Sarawak.

"Langkah ini penting untuk menambah keyakinan rakyat terhadap kerajaan di samping menambah keyakinan pelancong yang sering melawat kawasan sempadan," katanya ketika membentangkan usul selama lebih sejam setengah.

Ahli Parlimen Tanjung, Lim Kit Siang, yang menyifatkan pemilihan Yusof untuk membentangkan usul itu bagi meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah berkata, polarisasi kaum adalah cabaran terbesar Kerajaan Negeri Sabah yang baru.

"Kerajaan negeri harus menganggap tugas ini sebagai agenda utama dengan cuba memahami masalah serta ketidakpuasan hati masyarakat Kadazandusun untuk menyatukan kaum di negeri itu," katanya.

Serentak itu, beliau meminta sistem penggiliran Ketua Menteri membabitkan tiga kaum utama - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan

Cina diteruskan.

"Jika BN menghentikan sistem giliran jawatan Ketua Menteri sebelum memenuhi dua pusingan sebagaimana dijanjikan pada pilihan raya 1994 dan 1999, ia dilihat sebagai pecah amanah dan pemungkiran janji yang serius," katanya.

Beliau juga meminta kerajaan memantau laporan Program Pemantau Wabak Berjangkit (ProMED) untuk mengesan dan mengambil langkah awal membendung penyakit berjangkit.

"Ramai pakar dalam dan luar negara memberi amaran mengenai perlunya dipertingkatkan pengurusan penyakit berjangkit, termasuk berkaitan demam berdarah serta batuk kering dan taun," katanya.

Lim turut menggunakan sesi itu untuk berkali-kali mengkritik Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang dianggapnya gagal menangani isu penyebaran wabak Japanese Encephalitis (JE) secara berkesan.

Sementara itu, Fu Ah Kiow (BN-Mentakab) pula berkata kerajaan perlu bersikap terbuka dan mengakui bahawa memang wujud kelemahan dalam sistem kewangan di negara ini yang boleh memberi kesan terhadap usaha memulihkan ekonomi.

Menurutnya, kelemahan berkenaan ialah pada sistem perbankan negara, pelaksanaan projek penswastaan yang kurang telus dan amalan menukar syarat di kalangan agensi kerajaan.

Beliau juga meminta kerajaan mengkaji semula secara menyeluruh semua aspek dan cara projek penswastaan diluluskan agar kelemahan yang ada dapat diperbaiki.

"Antara yang perlu dibaiki, termasuk ketelusan dalam meluluskan projek, tema dan syarat perjanjian konsesi, kemampuan pengguna dalam pembayaran caj yang dikenakan serta kemampuan kewangan syarikat yang membiayai projek penswastaan," katanya.

Perbahasan disambung minggu depan.

(END)